

**Pelan rancang ekonomi Asia Tenggara
Utusan Online
November 20, 2011**

NUSA DUA, BALI 19 Nov. - Semua negara anggota ASEAN bersetuju bekerjasama dengan rakan-rakan dialog bagi melaksanakan Pelan Induk Perhubungan ASEAN dalam usaha merencanakan lagi aktiviti ekonomi di rantau ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed (**gambar**) berkata, pelan induk itu termasuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan pengangkutan udara dan maritim.

"Dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan keraguan terhadap pemulihan segera ekonomi Eropah, pemimpin-pemimpin ASEAN dan rakan-rakan dialog bersetuju supaya kedua-dua pihak bekerjasama dan mempercepatkan integrasi ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bersama wartawan Malaysia di sini hari ini sebelum menyambung mesyuarat berkaitan pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-19 di sini.

Rakan dialog ASEAN terdiri daripada Australia, China, India, Jepun, New Zealand, Korea, Amerika Syarikat dan Rusia.

Menurut Mustapa, ASEAN perlu menggandakan usaha bagi melaksanakan langkah-langkah integrasi ekonomi yang telah dipersetujui bagi merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN pada tahun 2015.

Justeru ASEAN perlu memberi keutamaan kepada aspek-aspek fasilitasi perdagangan untuk mempermudah lagi pergerakan barang-barang dari satu negara ke negara lain.

"Fasilitasi pengangkutan dan kesalinghubungan juga perlu diberi perhatian kerana kedudukan ASEAN yang luas dan dalam hubungan ini, kita bangga AirAsia berjaya merapatkan hubungan antara negara ASEAN.

"ASEAN juga perlu memberi keutamaan kepada standard dan conformance (pematuhan), fasilitasi pelaburan, memperkukuhkan bidang hak harta intelek dan dasar persaingan dan menghapuskan halangan bukan tarif," katanya.

Di samping itu, syarikat-syarikat swasta dan persatuan-persatuan usahawan juga perlu digerakkan bagi meningkatkan usahasama mempergiatkan program memperkukuhkan ekonomi serantau.

Peranan yang sama juga perlu dilakukan oleh Majlis Penasihat ASEAN dan Kelab Perniagaan ASEAN.

Menurut Mustapa, di peringkat Malaysia, beliau telah berbincang dengan rakan sejawatannya dari Thailand dan Indonesia dan mereka bersetuju mengadakan lawatan serta pertemuan berkala bagi memahami persekitaran perniagaan masing-masing.

"Dengan penglibatan semua pihak di kalangan negara anggota, ASEAN mampu menjadi kawasan tumpuan lebih-lebih lagi wujudnya peluang pasaran yang baik berdasarkan jumlah penduduk termasuk peningkatan golongan menengah di rantau ini," katanya.

Beliau juga memberitahu, menteri-menteri ekonomi ASEAN akan ke Jepun pada April tahun depan bagi mempromosi peluang pelaburan di negara anggota ASEAN. - **MINGGUAN**

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1120&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm